

# 10 lagi Ahli Parlimen dijangka sokone Anwar

**Puchong:** Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendakwa 10 lagi Ahli Parlimen BERSATU dijangka menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelang pembukaan sidang Parlimen, 26 Februari ini.

Syed Abu Hussin mendakwa, lima Ahli Parlimen berkenaan adalah dari utara iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak, manakala tiga dari Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang serta dua dari tengah iaitu Selangor dan Melaka.

Setakat ini, enam Ahli Parlimen BERSATU sudah menyatakan sokongan kepada Anwar.

Selain Syed Abu Hussin, lima lagi adalah Zahari Kechik (Jeli), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar), Datuk Suhaili Abdul Rahman (Labuan) dan terbaharu, Datuk Dr Zulkafperi Hanafi (Tanjong Karang).

Mengulas lanjut, Syed Abu

Hussin mendakwa, keputusan untuk menyokong Anwar dibuat kerana Ahli Parlimen terbabit kecewa dengan parti, selain merasakan tidak dihargai dan dijaga.

## Tidak mahu berunding

Malah, katanya, kepimpinan Perikatan Nasional (PN) juga tidak mahu berunding dengan Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar untuk mendapatkan bantuan.

"Sehingga hari ini, BERSATU tiada arah tuju jelas, jarang mengajak Ahli Parlimennya berbincang bagaimana mahu mengekalkan (kebajikan) kawasan.

"Kewangan menjadi masalah besar. Jika parti tidak ambil perhatian, siapa lagi. Janji dan ucapan kita nak membela nasib rakyat di kawasan kita, tetapi selepas lebih setahun tiada apa juga yang berlaku," katanya pada sidang media semalam.

Dalam pada itu, Syed Abu Hussin mempelawa lima lagi Ahli Parlimen BERSATU yang pernah berada dalam kerajaan di bawah



Syed Abu Hussin ketika mengadakan sidang media khas di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini untuk menyokong Anwar kerana dilihat mempunyai pengalaman luas dan mampu mengatur strategi untuk Pilihan Raya Umum akan datang.

Mereka ialah Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin (Larut), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (Beluran), Datuk Seri Ikmal Hisham

Abdul Aziz (Tanah Merah), Datuk Mas Ermieyati Samsudin (Masjid Tanah) dan Datuk Rosol Wahid (Hulu Terengganu).

Beliau mendakwa Ahli Parlimen BERSATU ketika ini hanya mengharapkan peruntukan kewangan daripada kerajaan negeri yang ditadbir PAS.

"Ini juga tidak nampak kerana PAS ada pendirian tersendiri dan akan membuat keputusan berlainan

setiap kali PRU. Saya lihat pada PRU16, PAS akan membuat gabungan dengan parti lain," katanya.

Mengenai tuduhan pemimpin BERSATU bahawa Ahli Parlimen yang 'lari' menyokong Anwar mudah tunduk dengan tawaran peruntukan, Syed Abu Hussin menafikannya sambil menyifatkan mereka ini sebagai berani.